

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**

**RUJUKAN : 9424**

**SOALAN:**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam mengatasi masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang menyelinap masuk ke kawasan Hutan Simpan Royal Belum yang mampu merosakkan flora dan fauna di kawasan tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menyekat kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) melalui sempadan negara termasuk Hutan Simpan Royal Belum, Gerik, Perak yang mampu merosakkan flora dan fauna di kawasan tersebut seperti berikut:**

- i) pihak Polis telah memohon kerjasama daripada pihak Kerajaan Thailand untuk menghalang mana-mana rakyat asing yang cuba memasuki negara ini secara tidak sah melalui sempadan negara dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Thailand adalah memuaskan;**
  
- ii) kawalan di pintu masuk negara diperketat lagi termasuk membuat pemantauan rapi di lorong-lorong tikus. Operasi bersama agensi-agensinya penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Perhutanan Negeri dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diadakan dengan lebih kerap lagi. Misalnya, Pasukan Gerakan Am (PGA) dan ATM yang menjaga sempadan telah diarahkan supaya menggandakan rondaan termasuk di lorong-lorong tikus yang dipercayai digunakan oleh PATI untuk memasuki negara ini;**
  
- iv) melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk meningkatkan keupayaan penguatkuasaan di sempadan negara. Menerusi NBOS, PDRM telah berjaya**

**menjalankan kolaborasi strategik dengan *stakeholders* dan masyarakat setempat dalam menangani jenayah rentas sempadan melalui pendekatan musyawarah serta *engagement* secara aktif; dan**

- v) PDRM telah menubuhkan Unit Risikan Sempadan bagi mengawal dan mengesan kemasukan barangan terlarang, kemasukan PATI serta ancaman lain. Unit perintis telah ditubuhkan di negeri Kedah dan akan diperluaskan ke seluruh negara.**

**Dengan adanya langkah-langkah yang drastik ini, diyakini PATI atau penjenayah tidak berpeluang untuk memasuki negara ini dengan cara yang mudah.**